



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**WARGANEGARA ASING YANG  
BEKERJA DI MALAYSIA –  
PELEPASAN PERJANJIAN CUKAI**

**KETETAPAN UMUM NO. 2/2012**

**TARIKH KELUARAN: 3 MEI 2012**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**WARGANEGARA ASING YANG BEKERJA  
DI MALAYSIA - PELEPASAN  
PERJANJIAN CUKAI**

**Ketetapan Umum No. 2/2012  
Tarikh Keluaran: 3 Mei 2012**

---

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 3 Mei 2012

Edisi pertama pada 3 Mei 2012

© Lembaga Hasil Malaysia Dalam Negeri

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbit semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Permohonan perlu dialamatkan kepada penerbit. Kebenaran bertulis hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**WARGANEGARA ASING YANG BEKERJA  
DI MALAYSIA - PELEPASAN  
PERJANJIAN CUKAI**

**Ketetapan Umum No. 2/2012  
Tarikh Keluaran: 3 Mei 2012**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Pendahuluan	1
2. Interpretasi	1
3. Perjanjian Cukai	2
4. Pemakaian Artikel Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas	4
5. Tuntutan Pengecualian Cukai Oleh Warganegara Asing Daripada Negara Yang Mempunyai Perjanjian Cukai	12
6. Lampiran 1	15
7. Lampiran 2	16

**KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 2/2012  
Tarikh Keluaran: 3 Mei 2012**

1. Ketetapan ini menerangkan pemakaian pelepasan perjanjian cukai kepada warganegara asing daripada negara pejanji yang dihantar bertugas di Malaysia oleh majikan yang tidak bermastautin di Malaysia.
2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah seksyen 2, 7, 13, 25, 132, Jadual 6 dan 7.
3. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:-
  - 3.1 “Bukan pemastautin” bagi tahun asas sesuatu tahun taksiran berhubung seseorang pekerja bermaksud pekerja selain daripada pekerja yang bermastautin.
  - 3.2 “Cukai asing” bermaksud apa-apa cukai atas pendapatan (atau apa-apa cukai lain yang mempunyai ciri-ciri yang serupa) yang boleh dikenakan atau dipertanggungjawabkan oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia.
  - 3.3 “Cukai Malaysia” bermaksud cukai yang dikenakan di bawah ACP 1967.
  - 3.4 “Dihantar bertugas” (seconded) bermaksud –
    - a) pekerja ditukarkan buat sementara waktu oleh majikan untuk melakukan kerja berkaitan di tempat lain; dan
    - b) selepas tamat tugas sementara tersebut, pekerja kembali semula kepada majikan yang sama untuk menyambung penggajian.
  - 3.5 “Kredit dua belah pihak” bermaksud kredit berkenaan dengan cukai asing yang, menurut apa-apa persetujuan yang mempunyai kesan di bawah seksyen 132 ACP 1967, dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia.
  - 3.6 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian bermaksud –
    - (a) tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
    - (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah orang yang membayar atau yang bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu mungkin merupakan orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
  - 3.7 “Orang” termasuk syarikat, koperasi, kelab, persatuan, Keluarga Sekutu Hindu, pemegang amanah, pentadbir harta pusaka, perkongsian dan individu.

- 3.8 “Pekerja” berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud –
- (a) orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara orang suruhan dan tuan;
  - (b) jika perhubungan di antara orang suruhan dan tuan tidak wujud, ianya adalah pemegang perlantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.
- 3.9 “Pemastautin Malaysia” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran seperti mana yang ditentukan di bawah seksyen 7, ACP 1967.
- 3.10 “Penggajian” bermaksud –
- a) penggajian di mana terdapat perhubungan tuan dan orang suruhan;
  - b) mana-mana perlantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada terdapat atau tiada perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.11 “Pendapatan asing” bermaksud pendapatan yang diterbit dari luar Malaysia. Bagi tujuan kredit dua belah pihak pendapatan asing termasuk pendapatan yang diperolehi daripada Malaysia yang dikenakan cukai asing.
- 3.12 “Pendapatan berkanun”, berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran bermaksud pendapatan berkanun seperti mana yang ditentukan di bawah ACP 1967.
- 3.13 “Warganegara asing” bermaksud individu yang bukan rakyat Malaysia.

#### 4. Perjanjian Cukai

##### 4.1 Cukai dua kali

Apabila warganegara asing memperoleh pendapatan penggajian daripada Malaysia tetapi beliau adalah pemastautin negara lain, cukai pendapatan mungkin kena dibayar oleh beliau di negara Malaysia dan juga di negara beliau bermastautin.

##### 4.2 Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali

Kerajaan Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) dengan beberapa negara lain bagi mengelak berlakunya cukai dua kali jika pendapatan yang sama tertakluk kepada cukai di lebih daripada satu negara.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 2/2012  
Tarikh Keluaran: 3 Mei 2012

4.3 Artikel Penggajian / Artikel Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas dalam PPPDK

Bagi warganegara asing yang dihantar ke Malaysia untuk menjalankan penggajian, Artikel Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas (PPTB) yang berkaitan dengan PPPDK Malaysia atau perjanjian cukai adalah terpakai untuk pelepasan perjanjian cukai. Walau bagaimanapun, syarat-syarat khusus Artikel PPTB dalam setiap PPPDK mungkin berbeza bagi suatu negara dengan negara lain. Teks lengkap PPPDK Malaysia boleh dimuat turun daripada laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di <http://www.hasil.gov.my>.

4.4 Peruntukan PPTB

- a) Artikel PPTB memperuntukkan hak mencukai kepada negara yang mempunyai punca iaitu di mana penggajian dijalankan atau negara mastautin (di mana pekerja bermastautin) atas pendapatan daripada penggajian.
- b) Kaedah am dalam Artikel ini menyatakan pendapatan dari penggajian yang diperoleh oleh individu yang merupakan pemastautin di sebuah negara pejanji (misalnya Singapura) mungkin dikenakan cukai di negara lain (misalnya Malaysia) jika penggajian dijalankan di negara lain itu (Malaysia).
- c) Walau bagaimanapun, jika penggajian di negara lain (misalnya Malaysia) adalah untuk tujuan jangka pendek dan bagi memudahkan pergerakan kakitangan yang mahir, pengecualian cukai dibenarkan oleh negara di mana penggajian dijalankan (Malaysia) jika ketiga-tiga syarat berikut dipenuhi (syarat-syarat ini mungkin berbeza antara satu PPPDK dengan yang lain):-

- (i) Tidak melebihi tempoh 183 hari

Warganegara asing berada di Malaysia bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam tahun fiskal / kalendar berkenaan; atau

Warganegara asing yang berada di Malaysia bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam mana-mana tempoh 12 bulan bermula atau berakhir dalam tahun fiskal berkenaan.

- (ii) Pembayar adalah bukan pemastautin

Saraan warganegara asing yang bekerja di Malaysia dibayar oleh atau bagi pihak majikan yang tidak bermastautin di Malaysia.

- (iii) Saraan tidak ditanggung oleh pemastautin atau *permanent establishment* (PE) di Malaysia

Saraan warganegara asing yang bekerja di Malaysia tidak ditanggung oleh PE atau suatu tempat tetap yang dimiliki majikan asing di Malaysia. Dengan kata lain, saraan tidak dicaj sebagai perbelanjaan yang boleh dibenarkan dalam akaun untung dan rugi PE yang majikan asing miliki di Malaysia.

Bagi tujuan ini, istilah **saraan** dan **ditanggung oleh** dalam Artikel Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas dalam PPPDK yang berkaitan mempunyai maksud berikut:-

- **saraan** bermaksud gaji, upah dan saraan lain yang serupa termasuk manfaat berupa barangan yang diterima berkaitan dengan penggajian; dan
- **ditanggung oleh** bermaksud saraan adalah dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan dan bukan hanya sebagai potongan dari keuntungan PE.

Jika ada di antara tiga syarat tersebut di atas tidak dipenuhi, pendapatan penggajian warganegara asing akan tertakluk kepada cukai di Malaysia. Pendapatan yang boleh dikenakan cukai adalah saraan yang berkaitan dengan tempoh penggajian di Malaysia.

## 5. Pemakaian Artikel PPTB

Berikut adalah penerangan mengenai syarat-syarat dalam Artikel PPTB yang perlu dipenuhi untuk kelayakan mendapat pengecualian cukai di negara yang mempunyai punca pendapatan:-

- (a) Syarat 1 - Tidak melebihi tempoh 183 hari

Warganegara asing berada di Malaysia bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam tahun fiskal / kalendar berkenaan; atau

Warganegara asing yang berada di Malaysia bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam mana-mana tempoh 12 bulan bermula atau berakhir dalam tahun fiskal berkenaan.

Semasa mempertimbangkan tempoh 183 hari, perkataan **hari** termasuk mana-mana hari atau sebahagian hari dalam tahun kalendar/fiskal yang mana orang itu berada secara fizikal di Malaysia, tidak mengira berapa jam beliau berada di Malaysia, termasuk hari cuti dan hujung minggu. Syarat ini bergantung kepada cara peruntukan ini digubal. Sama ada syarat ini dipenuhi bergantung kepada keadaan setiap kes.

### Contoh 1

Smith adalah pemastautin United Kingdom (UK) yang digaji oleh syarikat UK. Beliau telah dihantar oleh majikan untuk bertugas di Malaysia dari 1.4.2009 hingga 31.7.2010. Beliau berada di Malaysia selama 150 hari dari 1.4.2009 hingga 31.3.2010 tetapi dalam tempoh 1.8.2009 hingga 31.7.2010, beliau berada di Malaysia selama 210 hari.

Rujukan dibuat kepada Artikel 16(2) Perjanjian Cukai di antara Malaysia dan UK yang berbunyi:-

“Walau apa pun peruntukan perenggan 1 dalam Artikel ini, saraan yang diperolehi oleh pemastautin suatu negara pejanji berkenaan dengan pekerjaan yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara yang mula-mula disebut itu jika:-

- (a) Penerima itu berada di Negara yang satu lagi bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam mana-mana tempoh 12 bulan bermula atau berakhir dalam tahun fiskal yang berkenaan; dan.....”

Penentuan Sama Ada Syarat 1 Dipenuhi	
1	<p>Tempoh penggajian di Malaysia</p> <p style="text-align: center;">←-----→</p> <p><b>1.4.2009</b> <span style="float: right;"><b>31.7.2010</b></span> (Mula penggajian) <span style="float: right;">(Tamat penggajian)</span></p>
2	<p>Bilangan hari pekerja berada secara fizikal di Malaysia dalam tempoh 12 bulan yang <b>bermula</b> dalam tahun fiskal yang berkaitan.</p> <p style="text-align: center;">Berada secara fizikal bagi tempoh 150 hari</p> <p style="text-align: center;">←-----→</p> <p><b>1.4.2009</b> <span style="float: right;">31.3.2010</span></p>



	<p>Smith berada secara fizikal di Malaysia selama 150 hari sahaja, iaitu kurang daripada 183 hari dalam tempoh 12 bulan (dari 1.4.2009 hingga 31.3.2010) bermula daripada 1.4.2009.</p>
3	<p>Bilangan hari pekerja berada secara fizikal di Malaysia semasa tempoh 12 bulan yang <b>berakhir</b> dalam tahun fiskal yang berkaitan.</p> <p style="text-align: center;">Berada secara fizikal bagi tempoh 210 hari</p> <p style="text-align: center;">←-----&gt;</p> <p style="text-align: center;">1.8.2009 <span style="float: right;">31.7.2010</span></p> <p>Smith berada secara fizikal di Malaysia selama 210 hari, yang melebihi 183 hari dalam tempoh 12 bulan berakhir 31.7.2010 (iaitu dari 1.8.2009 hingga 31.7.2010). Oleh itu, <b>syarat 1 tidak dipenuhi.</b></p>
4	<p>Walaupun Smith berada secara fizikal di Malaysia bagi tempoh kurang daripada 183 hari dalam tempoh 12 bulan bermula dari 1.4.2009 tetapi beliau berada secara fizikal di Malaysia untuk tempoh yang melebihi 183 hari dalam tempoh 12 bulan berakhir 31.7.2010. <b>Oleh itu, syarat 1 Artikel 16(2) PPPDK di antara Malaysia dan UK tidak dipenuhi.</b> Smith tidak layak untuk pengecualian cukai di Malaysia.</p>

### Pemerhatian

Dalam Contoh 1, Smith berada secara fizikal di Malaysia selama 210 hari dalam tempoh 12 bulan (1.8.2009 hingga 31.7.2010) yang berakhir pada 31.7.2010 dalam tahun fiskal berkenaan. **Sekiranya Smith berada secara fizikal di Malaysia selama 180 hari dan bukannya 210 hari dalam tempoh dari 1.8.2009 hingga 31.7.2010, syarat 1 dipenuhi.**


Syarat 1 adalah dipenuhi sekiranya Smith telah memenuhi syarat berada secara fizikal di Malaysia untuk tempoh yang tidak melebihi 183 hari dalam kedua-dua tempoh 12 bulan:-

- (i) bermula dari 1.4.2009 dalam tahun fiskal berkenaan (150 hari); dan
- (ii) berakhir pada 31.7.2010 dalam tahun fiskal berkenaan (180 hari).



3	<p>Bilangan hari pekerja berada secara fizikal di Malaysia dalam tempoh 12 bulan yang <b>berakhir</b> dalam tahun fiskal yang berkaitan.</p> <p style="text-align: center;">←-----→</p> <p>1.12.2009 <span style="float: right;">30.11.2010</span></p> <p>John berada secara fizikal di Malaysia selama 153 hari, yang tidak melebihi 183 hari dalam tempoh 12 bulan berakhir 30.11.2010.</p>
4	<p>John berada secara fizikal di Malaysia bagi tempoh tidak melebihi 183 hari bagi kedua-dua tempoh 12 bulan bermula daripada 1.7.2009 dan berakhir pada 30.11.2010. <b>Oleh itu, syarat 1 Artikel 16(2) PPPDK di antara Malaysia dan UK dipenuhi.</b> John layak untuk pengecualian cukai di Malaysia.</p>

Situasi diringkaskan seperti berikut:



(b) Syarat 2

Saraan warganegara asing yang bekerja di Malaysia dibayar oleh atau bagi pihak majikan yang tidak bermastautin di Malaysia.

Syarat kedua adalah majikan yang membayar saraan tidak boleh bermastautin di negara penggajian dijalankan. Ini termasuk keadaan di mana warganegara asing yang dihantar oleh majikan bukan bermastautin untuk bertugas di anak syarikat di Malaysia atau syarikat bermastautin di Malaysia (dianggap majikan) di mana saraan dibayar oleh majikan bukan bermastautin bagi pihak yang dianggap majikan di Malaysia.

Bagi tujuan ini, perkataan **yang dibayar oleh** dan **dibayar bagi pihak** dalam Artikel PPTB dalam PPPDK yang berkaitan mempunyai maksud berikut:-

- (i) **dibayar oleh** merujuk kepada majikan yang sebenarnya membayar saraan dan juga menanggung kos itu kerana majikan menuntut potongan saraan sebagai perbelanjaan perniagaan; dan
- (ii) **dibayar bagi pihak** merujuk kepada majikan yang menanggung kos saraan bagi pihak orang lain (contohnya ejen yang membayar atau sebuah syarikat berkaitan) yang membayar saraan kepada pekerja.

### Contoh 3

Donald, seorang jurutera dan pemastautin di UK, bekerja untuk ABC Engineering Ltd, sebuah syarikat yang bermastautin di UK. ABC Engineering Ltd mengambil beberapa orang jurutera untuk bekerja secara sepenuh masa. XYZ Sdn Bhd, sebuah syarikat kejuruteraan di Malaysia, memerlukan perkhidmatan sementara seorang jurutera untuk menyiapkan kontrak di tapak pembinaan di Malaysia. ABC Engineering Ltd bersetuju dengan XYZ Sdn Bhd bahawa Donald, yang seketika itu tidak ditugaskan kepada apa-apa kontrak, akan bekerja untuk XYZ Sdn Bhd dari 1.4.2011 hingga 31.7.2011. Dalam tempoh 4 bulan tersebut Donald akan bekerja di bawah kontrak XYZ Sdn Bhd di bawah penyeliaan langsung dan kawalan jurutera kanan XYZ Sdn Bhd.

XYZ Sdn Bhd akan membayar ABC Engineering Ltd suatu amaun yang bersamaan dengan saraan, elaun, caruman dan manfaat penggajian lain yang perlu dibayar kepada Donald sepanjang tempoh 4 bulan bersama-sama dengan komisen 10%. XYZ Sdn Bhd juga bersetuju untuk membayar ganti rugi kepada ABC Engineering Ltd untuk apa-apa tuntutan yang berpotensi berkaitan dengan kerja Donald sepanjang tempoh 4 bulan.

Kerja yang telah dilaksanakan oleh Donald di tapak pembinaan di Malaysia dilakukan bagi pihak XYZ Sdn Bhd dan bukan ABC Engineering Ltd. XYZ Sdn Bhd menjalankan penyeliaan langsung dan kawalan ke atas kerja yang dilakukan oleh Donald, bertanggungjawab atas kerja Donald dan menanggung kos saraan sepanjang tempoh 4 bulan. Adalah disimpulkan bahawa Donald mempunyai hubungan penggajian dengan XYZ Sdn Bhd. Oleh kerana saraan Donald dibayar oleh XYZ Sdn Bhd, sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia, **syarat 2 tidak dipenuhi**.

Dalam konteks ini, adalah dianggap bahawa ABC Engineering Ltd membayar saraan tanpa menanggung kos perbelanjaan ini. ABC Engineering Ltd mencaj semula kos saraan Donald kepada XYZ Sdn Bhd dan oleh itu, kos sebenarnya ditanggung oleh XYZ Sdn Bhd.

### Pemerhatian

Dalam menentukan sama ada syarat 2 dipenuhi atau tidak, beberapa faktor dalam senario berikut perlu dipertimbangkan –

Senario	Faktor
1	Jika fakta dalam Contoh 3 adalah sama kecuali saraan Donald masih terus dibayar dan ditanggung oleh ABC Engineering Ltd sepanjang tempoh penggajian 4 bulan beliau di Malaysia dan tiada saraan atau elaun dibayar oleh syarikat XYZ Sdn Bhd, di Malaysia, <b>syarat 2 dipenuhi</b> sebab saraan dibayar oleh ABC Engineering Ltd, yang bukan bermastautin di Malaysia.
2	Jika saraan Donald masih terus dibayar oleh ABC Engineering Ltd sepanjang tempoh penggajian beliau di Malaysia tetapi kos tersebut dicaj semula kepada XYZ Sdn Bhd, <b>syarat 2 tidak dipenuhi</b> sebab pada akhirnya saraan dibayar dan ditanggung oleh XYZ Sdn Bhd, syarikat bermastautin di Malaysia.
3	Jika fakta dalam Contoh 3 adalah sama kecuali saraan Donald terus dibayar dan ditanggung oleh ABC Engineering Ltd dan elaun termasuk manfaat berupa barangan (MBB) dibayar dan ditanggung oleh XYZ Sdn Bhd, <b>syarat 2 tidak dipenuhi</b> sebab sebahagian saraan (elaun dan MBB) dibayar dan ditanggung oleh XYZ Sdn Bhd, syarikat bermastautin di Malaysia.

	Donald tertakluk kepada cukai di Malaysia atas pendapatan berkaitan dengan penggajian di Malaysia (termasuk saraan yang dibayar oleh ABC Engineering Ltd dan elaun serta MBB yang dibayar oleh XYZ Sdn Bhd).
--	--

(c) Syarat 3

Saraan tidak ditanggung oleh pemastautin atau PE tetap di Malaysia.

Syarat ini tidak dipenuhi jika saraan diberi potongan sebagai perbelanjaan yang dibenarkan dalam pengiraan pendapatan bercukai majikan bukan pemastautin yang mempunyai PE atau suatu tempat tetap di Malaysia. Dalam menentukan sama ada majikan bukan pemastautin mempunyai PE di Malaysia, fakta dan bukti yang kukuh diperlukan.

Catatan:-

Walaupun tuntutan potongan untuk saraan tidak dibuat oleh majikan bukan bermastautin dalam pengiraan untung PE atau tempat tetap yang dimiliki oleh majikan bukan bermastautin di Malaysia, ini tidak bermakna saraan itu tidak ditanggung oleh PE atau tempat tetap yang dimiliki di Malaysia oleh majikan bukan bermastautin. Sebab-sebab majikan tidak bermastautin tidak menuntut potongan bagi saraan yang dibayar kepada pekerjaanya adalah:-

- (i) PE atau tempat tetap di Malaysia akan dikecualikan cukai di Malaysia; dan
- (ii) majikan semata-mata memutuskan untuk tidak menuntut potongan yang mereka layak.

**Contoh 4**

Patrick, seorang konsultan projek daripada UK, dihantar oleh majikan di UK untuk bertugas di suatu cawangan di Malaysia yang mempunyai PE. Patrick berada di Malaysia dari 1.7.2010 hingga 31.10.2010 (123 hari). Saraan Patrick masih dibayar dan ditanggung oleh majikan di UK. Cawangan di Malaysia membayar beliau elaun. Elaun yang dibayar oleh PE di Malaysia tidak dituntut sebagai potongan yang dibenarkan dalam pengiraan keuntungan yang berkaitan dengan PE. Bagi tujuan contoh ini, adalah dianggap cawangan di Malaysia dikecualikan cukai di Malaysia.

Dalam kes ini, PE di Malaysia memutuskan untuk tidak menuntut elaun yang dibayar kepada Patrick sebagai potongan yang dibenarkan dalam pengiraan keuntungan PE kerana PE ini dikecualikan cukai di Malaysia.

Walau bagaimanapun, oleh sebab elaun ditanggung oleh PE di Malaysia, maka syarat 3 tidak dipenuhi.

### Pemerhatian

Dalam menentukan sama ada syarat 3 dipenuhi atau tidak, beberapa faktor dalam senario berikut perlu dipertimbangkan:-

Senario	Faktor
1	Jika Patrick tidak menerima sebarang elaun daripada pejabat cawangan di Malaysia dan saraan beliau yang ditanggung hanya oleh majikan di UK dicaj sebagai perbelanjaan dalam akaun majikan di UK, <b>syarat 3 dipenuhi</b> sebab saraan/elaun tidak ditanggung oleh PE di Malaysia.
2	Jika saraan dan elaun Patrick ditanggung kesemuanya oleh cawangan di Malaysia dan saraan ini di caj sebagai perbelanjaan dalam akaun PE di Malaysia, <b>syarat 3 tidak dipenuhi</b> sebab saraan/elaun ditanggung oleh PE di Malaysia.
3	Jika saraan bulanan Patrick ditanggung dan dicaj sebagai perbelanjaan dalam akaun majikan di UK dan elaun yang dibayar oleh pejabat cawangan di Malaysia ditanggung dan dicaj sebagai perbelanjaan oleh PE di Malaysia, <b>syarat 3 tidak dipenuhi.</b>  Patrick tertakluk kepada cukai di Malaysia atas pendapatan yang berkaitan penggajian di Malaysia (yang termasuk saraan dibayar oleh majikan UK dan elaun dibayar oleh PE di Malaysia).

## 6. Tuntutan Pengecualian Cukai Oleh Warganegara Asing Daripada Negara Yang Mempunyai Perjanjian Cukai

### 6.1 Pelepasan perjanjian cukai bukan automatik

Pelepasan perjanjian cukai tidak diberi secara automatik. Suatu tuntutan bagi pelepasan perjanjian cukai boleh dibuat pada masa mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan. Di bawah sistem taksir sendiri, apabila audit dijalankan, adalah perlu bagi warga asing yang menuntut pelepasan perjanjian cukai untuk membuktikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri

Malaysia bahawa mereka sememangnya layak mendapat pelepasan tersebut.

## 6.2 Dokumen yang diperlukan

Antara dokumen sokongan yang diperlukan -

- a) Sijil Taraf Mastautin (Certificate of Residence) daripada pihak kuasa cukai negara asing untuk membuktikan taraf mastautin warganegara asing bagi setiap tahun berkenaan.
- b) Salinan pasport warganegara asing yang diakui sah dan senarai tarikh masuk dan keluar ke / dari Malaysia bagi menentukan bilangan hari pekerja berada secara fizikal di Malaysia.
- c) Pengesahan bertulis daripada majikan di negara asing berkenaan:-

- i) Siapa yang menanggung saraan warganegara asing

Sama ada saraan warganegara asing yang menjalankan penggajian di Malaysia ditanggung oleh:-

- majikan di negara luar; atau
- syarikat bermastautin di Malaysia; atau
- PE di Malaysia.

- ii) Bayaran balik kos saraan

Jika saraan dibayar oleh majikan di negara asing, adakah kos saraan dibayar balik oleh syarikat bermastautin di Malaysia atau PE di Malaysia (yang mana berkaitan).

(Sila rujuk Lampiran 1 untuk salinan contoh surat)

- d) Pengesahan bertulis daripada syarikat bermastautin di Malaysia atau PE di Malaysia berkenaan:-

- i) Siapa yang menanggung saraan warganegara asing

Sama ada saraan warganegara asing yang menjalankan penggajian di Malaysia ditanggung oleh:-

- majikan di negara luar; atau
- syarikat bermastautin di Malaysia; atau
- PE di Malaysia.





ii) Bayaran balik kos saraan

Jika saraan dibayar oleh majikan di negara asing, sama ada kos saraan dibayar balik oleh syarikat bermastautin di Malaysia atau PE di Malaysia (yang mana berkaitan).

(Sila rujuk Lampiran 2 untuk salinan contoh surat)

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



APPENDIX 1

**SPECIMEN COPY OF LETTER FROM THE EMPLOYER IN THE COUNTRY  
OVERSEAS**

Income Tax File No. In Malaysia:-

**Chief Executive Officer/Director General  
Cawangan.....**

.....  
.....

Dear Sir,

..... (Name of Foreign National & Passport No.)

I refer to the above named employee of .....**(NAME OF COMPANY IN  
COUNTRY OVERSEAS)** who has been seconded to ..... **(NAME OF  
COMPANY IN MALAYSIA)** from ..... **(STATE THE PERIOD)**.

This is to confirm that the remuneration of ..... **(NAME OF THE FOREIGN  
NATIONAL)** is borne by ..... **(NAME OF COMPANY\*)** and not borne by  
..... **(NAME OF COMPANY\*)**.

The cost of the remuneration is not reimbursed by the ..... **(NAME OF  
COMPANY\*)** to ..... **(NAME OF COMPANY\*)**.

\* NAME OF COMPANY - state the name of the company in the country overseas or company resident in Malaysia or PE in Malaysia, whichever is applicable.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 2/2012  
Tarikh Keluaran: 3 Mei 2012

APPENDIX 2

**SPECIMEN COPY OF LETTER FROM THE DEEMED EMPLOYER IN MALAYSIA**

Income Tax File No. In Malaysia:-

**Chief Executive Officer/Director General  
Cawangan.....**

.....  
.....

Dear Sir,

..... (Name of Foreign National & Passport No.)

I refer to the above named employee of ..... (**NAME OF COMPANY IN THE OTHER COUNTRY**) who has been seconded to ..... (**NAME OF COMPANY IN MALAYSIA**) from ..... (**STATE THE PERIOD**).

This is to confirm that the remuneration of ..... (**NAME OF FOREIGN NATIONAL**) is borne by ..... (**NAME OF COMPANY\***) and not borne by ..... (**NAME OF COMPANY\***).

The cost of the remuneration is reimbursed by ..... (**NAME OF COMPANY\***) to ..... (**NAME OF COMPANY\***).

\* **NAME OF COMPANY** - state the name of the company in the country overseas or company resident in Malaysia or PE in Malaysia, whichever is applicable.